Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **OPR kekal pada paras semasa 3.00%, dalam keadaan momentum pertumbuhan yang positif dan inflasi keseluruhan yang semakin sederhana.**
- **Langkah kehematan makro sedia ada dan langkah lain untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan sektor isi rumah dan perniagaan serta pasaran harta tanah, terus relevan.**

MPC mengekalkan OPR pada 3.00%

Pada mesyuarat bulan Mei dan Julai, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00%.

Menjelang pertengahan tahun 2017, terdapat tanda-tanda yang lebih jelas bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia akan menjadi lebih kukuh pada tahun 2017. Ekonomi global terus kukuh, dengan pertumbuhan yang lebih sekata merentas ekonomi hasil sumbangan pertumbuhan penggunaan swasta yang mampan. Keadaan permintaan dalam negeri dan global yang lebih tinggi bersama-sama sentimen yang lebih baik, telah menyokong prospek pelaburan yang lebih menggalakkan di seluruh dunia. Bagi Malaysia, kesan limpahan yang positif daripada prestasi sektor luar negeri yang lebih kukuh dapat dilihat menerusi saluran pendapatan dan pelaburan. Perbelanjaan swasta yang mampan akan terus didorong oleh peningkatan upah dan guna tenaga serta pelaksanaan projek-projek infrastruktur baharu dan yang sedang berjalan. Inflasi keseluruhan diunjurkan terus sederhana pada separuh kedua tahun 2017 selepas mencecah kadar tertingginya pada bulan Mac. Hal ini mencerminkan terutamanya kesan daripada faktor kos global yang semakin reda. Inflasi asas yang diukur oleh inflasi teras, dijangka terkawal sejajar dengan permintaan dalam negeri yang lebih teguh. Namun, inflasi asas dijangka terus dapat dibendung, setelah meningkat kepada 2.5% pada separuh pertama tahun 2017 berbanding dengan kadar peningkatan 2.1% pada tahun 2016.

Keadaan monetari dan kewangan terus berdaya tahan dan menyokong aktiviti ekonomi negara. Ringgit kekal stabil hasil daripada permintaan dan bekalan mata wang asing yang lebih seimbang berikutan pelaksanaan dua langkah pembangunan pasaran kewangan. Keadaan mudah tunai bertambah baik, dengan peningkatan bersih dalam mudah tunai sistem perbankan ekoran aliran masuk bersih portfolio pada suku tersebut.

MPC mengambil maklum perkembangan pertumbuhan yang positif sejak kebelakangan ini dan akan terus membuat penilaian terhadap kemampanan momentum pertumbuhan berdasarkan maklumat yang diterima. Di samping itu, MPC juga akan terus memantau apa-apa tanda tekanan inflasi yang didorong permintaan. Dalam hal ini, MPC akan terus menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi.

Penilaian oleh Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank (Financial Stability Committee, FSC) mendapati kestabilan kewangan domestik kekal terpelihara

Mesyuarat FSC ke-51 telah diadakan pada 1 Ogos 2017. Sepanjang suku kedua, FSC mendapati bahawa punca utama risiko kestabilan kewangan domestik adalah daripada risiko kredit yang lebih tinggi dalam beberapa segmen perniagaan dan lebihan bekalan kondominium mewah dan harta tanah komersial – yang pada pendapat FSC perlu dipertingkatkan pengawasannya.

Berdasarkan penilaian yang dibuat, kapasiti membayar balik hutang oleh isi rumah secara keseluruhannya masih kukuh, meskipun kualiti kredit merosot sedikit bagi golongan isi rumah yang mudah terjejas. Hutang isi rumah terus meningkat namun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.1%. Prospek risiko sistem kewangan terus stabil manakala keadaan mudah tunai terus menyokong pengantaraan kewangan domestik. Keadaan pasaran kewangan domestik dijangka kekal terurus meskipun persekitaran global agak tidak menentu.

Sorotan dasar lain yang dilaksanakan pada S2 2017

Pada suku kedua, Bank melaksanakan beberapa inisiatif untuk memelihara kestabilan kewangan dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan:

- Untuk membendung kegiatan skim kewangan haram daripada terus berkembang, Bank mengarahkan institusi kewangan supaya memperketat kawalan dalaman mereka bagi menyekat aliran dana haram. Inisiatif antara agensi yang diketuai Jabatan Peguam Negara di bawah Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram akan mengkaji semula rangka kerja undang-undang sedia ada. Jawatankuasa ini juga akan mengambil tindakan penguatkuasaan secara bersama terhadap apa-apa penipuan dan sindiket kewangan. Orang ramai juga diingatkan supaya berhenti daripada melibatkan diri dalam skim haram sedemikian.

- Bank terus menggalakkan semua institusi perbankan untuk menetapkan piawaian lebih tinggi bagi ujian tekanan di samping mempunyai amalan pengurusan risiko yang teguh.

- Liberalisasi tarif motor mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2017. Berikutan liberalisasi ini, premium bagi produk insurans motor kini ditentukan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful mengikut metodologi masing-masing yang lebih berdasarkan risiko. Pada tarikh yang sama, dasar untuk mempelbagaikan saluran pengedaran produk insurans hayat dan takaful keluarga bagi memudahkan akses orang ramai kepada saluran tersebut, turut dikuatkuasakan.

- Pertukaran kepada PIN & PAY telah dilaksanakan dengan jayanya. Hampir 23 juta kad pembayaran di Malaysia telah ditukarkan kepada kad berasaskan PIN. Semua terminal kad pembayaran yang digunakan di Malaysia, termasuk terminal pembayaran di luar stesen minyak, juga telah dinaik taraf untuk memudahkan penggunaan PIN.